

MERBAU REMPAH
Finch's Bulbul

FAMILI: Pycnonotidae
NAMA SAINTIFIK: *Alophoixus finschii*

CIRI-CIRI

Individu dewasa bagi spesies ini mempunyai saiz yang kecil, manakala bahagian paruh adalah pendek dan berwarna kehitaman manakala bahagian bulu badan secara keseluruhannya berwarna hijau kecoklatan ke warna hijau gelap. Individu ini mempunyai bahagian rengkong dan tongkeng yang berwarna kuning cerah. Individu juvenil bagi spesies ini tidak banyak berbeza dengan individu dewasa. Individu dewasa bagi spesies ini mempunyai saiz di antara 16.5-17.0 sm.

MAKANAN

Makanan utama terdiri daripada serangga-serangga dan buah-buahan yang bersaiz kecil termasuklah nektar dan tunas tumbuhan.

HABITAT

Spesies ini boleh dijumpai di kawasan hutan dipetrokap, pada ketinggian sehingga ke 760 m dari aras laut.

BUNYI

Burung ini mengeluarkan bunyi *scree* yang kasar.

PEMBIAKAN

Musim membiak bagi spesies ini adalah pada bulan Mac hingga Jun.

STATUS

Akta 76/72, dilindungi sepenuhnya.
IUCN, hampir terancam.